

**KONFLIK POLITIK TEMPATAN DAN PUSAT  
DALAM PELAKSANAAN DASAR PASCA  
PERLOMBONGAN DI PROVINSI KALIMANTAN  
TIMUR, INDONESIA**

**EDDY ISKANDAR**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2023**

**KONFLIK POLITIK TEMPATAN DAN PUSAT  
DALAM PELAKSANAAN DASAR PASCA  
PERLOMBONGAN DI PROVINSI KALIMANTAN  
TIMUR, INDONESIA**

oleh

**EDDY ISKANDAR**

**Tesis ini diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Doktor Falsafah**

**Mei 2023**

## PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah SWT, kerana dengan berkat dan kasih sayang-Nya penyelidik dapat menyelesaikan tesis ini. Pada kesempatan ini penyelidik ingin merakamkan ribuan terima kasih yang ikhlas kepada Allahyarham ayahanda Nanil Bin Dukamar dan Allahyarhamah ibunda tercinta Hajjah Mastora Binti Daniel, serta ibubapa mertua yang sentiasa mendoakan dan memberi motivasi serta memberi sokongan dalam menyelesaikan penyelidikan ini.

Tesis ini disusun sebagai salah satu persyaratannya yang diguna dalam akademik bagi memperolehi gelaran Doktor Falsafah, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Oleh itu, semasa proses penyelesaian tesis ini sudah pasti tidak terlepas daripada bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak. Justeru, penyelidik ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih serta ucapan hormat setinggi-tinggi kepada Dr. Razlini Mohd Ramli selaku penyelia utama yang telah banyak bersabar dalam memberikan bimbingan dan pengajaran dalam menyelesaikan tesis ini. Oleh itu, penyelidik juga ingin menyatakan besarnya peranan beliau dalam menyelesaikan cabaran dan halangan yang timbul dalam proses penyelidikan sehingga penyelidik akhirnya mampu menyelesaikan tesis ini. Seterusnya, penyelidik juga ingin menyampaikan penghargaan kepada Prof. Dr. Mohamad Shaharudin Samsurijan serta Dr. Azmil Mohd Tayeb selaku penyelia bersama yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan cadangan untuk penambahbaikan tesis ini.

Penyelidik juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada Dekan Institut Pengajian Siswazah beserta kakitangannya. Tidak ketinggalan juga penyelidik ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Prof. Dr. Mohamad Shaharudin Samsurijan, barisan para pensyarah dan kakitangannya serta Prof. Dr. Dato Abdul Khalil yang telah banyak membantu penyelidik selama mengikuti pengajian tinggi di peringkat Doktor Falsafah.

Di samping itu, penyelidik juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Timbalan Gabenor Provinsi Kalimantan Timur yang banyak memberikan sokongan kepada penyelidik dalam menyelesaikan penyelidikan ini. Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada Islamic Development Bank (IsDB) yang memberikan bantuan biasiswa kepada penyelidik selama tempoh belajar di Universiti Sains Malaysia (USM), serta kepada kakitangan PIU Universitas Mulawarman yang telah banyak membantu penyelidik. Penyelidik juga mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan daripada Indonesia dan perkumpulan Persatuan Pelajar Indonesia (PPI) USM. Serta rekan-rekan Aceh terutama sekali Saryulis, M.A.

Namun begitu, tidak dilupakan juga ucapan penghargaan dan terima kasih tidak dilupakan kepada isteri tercinta Drg. Dona Novita, MPHI beserta anak-anak tersayang Nisrina Salsabila Iskandar, Afra Rahida Iskandar dan Dzulfiqar Izzan Iskandar yang sentiasa berdoa, memberi motivasi selama penyelidik mengikuti pengajian di USM. Justeru, penyelidik juga ingin memohon agar segala amal kebaikan yang telah diberi oleh pelbagai pihak kepada penyelidik akan mendapat balasan baik daripada Allah SWT.

Akhir sekali, penyelidik berharap tesis ini dapat memberi manfaat serta ilmu pengetahuan untuk kegunaan jabatan kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan dalam membangunkan Kalimantan Timur agar lebih berjaya pada masa akan.

Pulau Pinang, 02 Februari 2022

## SENARAI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN.....</b>	<b>ii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN .....</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI JADUAL .....</b>	<b>ix</b>
<b>SENARAI GAMBAR .....</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI RAJAH.....</b>	<b>xi</b>
<b>ABSTRAK .....</b>	<b>xii</b>
<b>ABSTRACT .....</b>	<b>xiii</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN.....</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan .....	1
1.2 Latar belakang .....	2
1.3 Pernyataan masalah .....	8
1.4 Objektif Kajian .....	13
1.5 Persoalan Kajian.....	14
1.6 Definisi Operasional.....	14
1.6.1 Konflik Politik.....	14
1.6.2 Politik Tempatan .....	15
1.6.3 Politik Pusat.....	16
1.6.4 Pelaksanaan Dasar .....	16
1.6.5 Dasar Pasca Perlombongan .....	17
1.7 Skop Dan Batasan Kajian.....	18
1.8 Kepentingan Kajian.....	19
1.9 Organisasi Tesis .....	19
1.10 Kesimpulan.....	21
<b>BAB 2 KAJIAN LITERATUR.....</b>	<b>22</b>
2.1 Pengenalan .....	22

2.2	Konflik dan Politik .....	23
2.2.1	Konsep Konflik Secara Umum.....	23
2.2.2	Definisi dan Konsep Politik.....	27
2.2.3	Definisi dan Konsep Konflik Politik .....	30
2.3	Teori -Teori Berkaitan dengan Konflik Politik .....	35
2.3.1	Teori Ralf Dahrendorf (Konflik Sosial) .....	35
2.3.2	Teori Pruitt dan Rubin (Konflik Sosial) .....	38
2.4	Hubungan Kaitan Teori Ralp Dahrendorf dan Teori Pruitt dan Rubin (Teori Konflik Sosial) .....	39
2.4.1	Mempunyai Kepentingan Tersirat dan Tersurat.....	43
2.4.2	Tiada Sokongan Kepada Kerajaan .....	44
2.4.3	Perbezaan Pendirian, Budaya, Tradisi dan Kepentingan.....	44
2.4.4	Perbezaan Struktur Masyarakat .....	45
2.4.5	Kurang Komunikasi dan Persefahaman .....	46
2.5	Impak Konflik Politik jika tidak tangani secara kolektif .....	47
2.5.1	Kemakmuran Ekonomi.....	47
2.5.2	Kesejahteraan Sosial Masyarakat .....	48
2.5.3	Kestabilan Politik dan Keselamatan.....	49
2.6	Langkah Penyelesaian Konflik Politik dan Kestabilan Politik .....	49
2.7	Konsep Dasar awam.....	54
2.8	Pelaksanaan Dasar dan Pasca Perlombongan.....	61
2.8.1	Konsep Pelaksanaan Dasar .....	61
2.8.2	Pasca Perlombongan.....	66
2.9	Dasar Pasca Perlombongan Di Indonesia dan Konflik Politik Antara Masyarakat Dan Kerajaan .....	73
2.9.1	Ketetapan Dasar Pasca Perlombongan .....	73
2.9.2	Impak Kepada masyarakat .....	76

2.10	Konflik Politik Tempatan Dan Pusat Dalam Pelaksanaan Dasar Pasca Perlombongan.....	77
2.10.1	Manfaat dan Kesejahteraan Masyarakat.....	79
2.10.2	Peranan Kerajaan.....	80
2.10.3	Penyeliaan dan Penyelesaian Pelanggaran Peraturan.....	81
2.11	Kerangka Konseptual .....	83
2.12	Kesimpulan.....	85
<b>BAB 3</b>	<b>KAEDAH PENYELIDIKAN .....</b>	<b>86</b>
3.1	Pengenalan .....	86
3.2	Reka Bentuk Kajian .....	86
3.2.1	Kajian Penerokaan.....	89
3.3	Kaedah Pengumpulan Data .....	92
3.3.1	Data Primer.....	92
3.3.2	Data Sekunder .....	94
3.4	Teknik Persampelan .....	95
3.4.1	Pengambilan Informan .....	97
3.4.2	Instrumen Kajian .....	108
3.5	Kaedah Analisis Data .....	112
3.6	Kesimpulan .....	115
<b>BAB 4</b>	<b>FOKUS PELAKSANAAN DASAR PASCA PERLOMBONGAN DI PROVINSI KALIMANTAN TIMUR .....</b>	<b>116</b>
4.1	Pengenalan .....	116
4.2	Penambakan Untuk Pemuliharaan Alam Sekitar .....	120
4.2.1	Peraturan Penambakan .....	121
4.2.2	Kewajipan syarikat .....	132
4.2.3	Jaminan Penambakan .....	136
4.3	Pemeliharaan dan Pemuliharaan .....	141
4.3.1	Kewajipan Melakukan Pemeliharaan dan Pemuliharaan .....	142

4.3.2	Syarikat Tidak Bertanggungjawab .....	143
4.3.3	Syarikat Tidak Memanfaatkan Kawasan Perlombongan Selepas Aktiviti Perlombongan .....	146
4.4	Sosio-Ekonomi .....	148
4.4.1	Kerosakan Kehidupan Sosio-Ekonomi Masyarakat Tempatan .....	150
4.4.2	Tidak Mengalami Kesan Sosio-Ekonomi Positif .....	153
4.5	Kesimpulan.....	161
<b>BAB 5 KONFLIK POLITIK TEMPATAN DAN PUSAT DALAM PELAKSANAAN DASAR PASCA PERLOMBONGAN DI PROVINSI KALIMANTAN TIMUR.....</b>		<b>165</b>
5.1	Pengenalan .....	165
5.2	Faktor Penyebab Munculnya Konflik Politik Tempatan Dan pusat .....	171
5.2.1	Manfaat dan Kesejahteraan .....	192
5.2.2	Peranan Kerajaan Kurang Optimum .....	209
5.2.3	Penyeliaan dan Penyelesaian Pelanggaran Peraturan.....	216
5.3	Bentuk Konflik Politik Tempatan Dan pusat .....	224
5.3.1	Penentangan Melalui Media Massa.....	225
5.3.2	Memberi Pendidikan Kepada Masyarakat.....	227
5.3.3	Penentangan Melalui Hukum .....	229
5.4	Impak Konflik Politik Tempatan dan Pusat .....	231
5.4.1	Impak Konflik Politik Terhadap Pelaksanaan Dasar Perlombongan Di Kalimantan Timur .....	232
5.4.2	Impak Konflik Terhadap Pemerkesaan Masyarakat Disekitar Perlombongan.....	234
5.5	Kesimpulan.....	239
<b>BAB 6 KESAN KONFLIK POLITIK TEMPATAN DAN PUSAT DALAM PELAKSANAAN DASAR PASCA PERLOMBONGAN DI PROVINSI KALIMANTAN TIMUR.....</b>		<b>242</b>
6.1	Pengenalan .....	242
6.2	Penentangan Masyarakat atau NGOs .....	244

6.2.1	Menuntut Hak Penduduk yang Terjejas Perlombongan.....	245
6.2.2	Kerajaan Mesti Menyelesaikan Jenayah Pasca Perlombongan .....	247
6.2.3	Menuntut Keadilan dan Kerosakan Alam Sekitar .....	250
6.3	Penentangan Terhadap Undang-Undang Minerba .....	253
6.3.1	Hukuman Penjenayah yang Tidak Melaksanakan Penambakan .....	255
6.3.2	Masyarakat Tidak Boleh Berbuat lebih Banyak dengan Mengorek Arang Batu.....	258
6.4	Kesedaran Masyarakat .....	261
6.4.1	Meningkatkan Kesedaran Impak Negatif Perlombongan.....	262
6.5	Kesimpulan.....	264
<b>BAB 7 PENYELESAIAN KONFLIK TEMPATAN DAN PUSAT DALAM PELAKSANAAN DASAR PASCA PERLOMBONGAN DI PROVINSI KALIMANTAN TIMUR.....</b>		<b>266</b>
7.1	Pengenalan .....	266
7.2	Usaha Penyelesaian Konflik Politik Tempatan dan Pusat .....	276
7.2.1	Pemantauan dan Pematuhan Undang-Undang .....	279
7.2.2	Mengoptimumkan Penyeliaan Kerajaan.....	282
7.2.3	Wujudnya Kedaulatan Sumber Semula Jadi untuk Kesejahteraan Masyarakat .....	285
7.3	Kerangka Penyelesaian Konflik Politik Tempatan dan Pusat .....	293
7.3.1	Rundingan Terhadap Kerajaan Wilayah .....	294
7.3.2	Pendamaian (Menyampaikan Kepada Ahli Parlimen Daerah atau Komisen HAM) .....	296
7.4	Kesimpulan.....	302
<b>BAB 8 PENUTUP DAN KESIMPULAN .....</b>		<b>304</b>
8.1	Pengenalan .....	304
8.2	Dapatan Kajian .....	304
8.2.1	Fokus Pelaksanaan Dasar Pasca Perlombongan.....	304
8.2.2	Konflik Politik Tempatan Dan Pusat Dalam Pelaksanaan Dasar Pasca Perlombongan Di Kalimantan Timur .....	313



8.2.3	Kesan Konflik Politik Tempatan dan Pusat Dalam Pelaksanaan Dasar Pasca Perlombongan Di Kalimantan Timur .....	319
8.2.4	Penyelesaian Konflik Politik Tempatan dan Pusat Dalam Pelaksanaan Dasar Pasca Perlombongan di Kalimantan Timur.....	321
8.3	Keterbatasan Kajian .....	325
8.4	Cadangan Kajian .....	326
8.5	Implikasi Teori .....	327
8.5.1	Implikasi Terhadap Pembuatan Dasar Perlombongan Arang Batu Bagi Kerajaan Indonesia .....	329
8.5.2	Implikasi Terhadap Komitmen Mengatasi Impak Pasca Perlombongann Arang Batu di Kalimantan Timur. ....	330
8.5.3	Implikasi Terhadap Perlombongan Arang batu Untuk Kesejahteraan Masyarakat Kalimantan Timur.....	331
8.5.4	Implikasi Terhadap Pihak yang Berkonflik.....	331
8.5.5	Implikasi Terhadap Strategi Penyelesaian Konflik Politik Tempatan dan Pusat dalam Pelaksanaan Dasar Pasca Perlombongan di Kalimantan Timur .....	332
<b>RUJUKAN .....</b>		<b>333</b>

## **LAMPIRAN**

## **SENARAI PENERBITAN**

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 1.1	Jadual Izin Usaha Perlombongan (IUP) di Provinsi Kalimantan Timur.....3
Jadual 2.1	Penunjuk Teori Ralf Dahrendorf.....37
Jadual 2.2	Penunjuk Teori Konflik Pruitt dan Rubin .....38
Jadual 3.1	Penggolongan Kategori Informan.....98
Jadual 3.2	Penggolongan Masyarakat ..... 100
Jadual 3.3	Senarai Kawasan Informan Kajian..... 101
Jadual 3.4	Senarai Mahasiswa..... 101
Jadual 3.5	Senarai NGOs Di Kalimantan Timur..... 102
Jadual 3.6	Senarai Ahli Parlimen ..... 103
Jadual 3.7	Senarai Ahli Akademik..... 106
Jadual 3.8	Data Informan ..... 106
Jadual 4.1	Penggolongan Responden Berdasarkan Temua Bual ..... 120
Jadual 4.2	Data Syarikat dan Korban Impak Pasca Perlombongan Yang Menimbulkan Kematian di Kalimantan Timur ..... 156
Jadual 5.1	Penggolongan Responden Berdasarkan Hasil Temu Bual..... 170
Jadual 6.1	Penggolongan Responden Berdasarkan Hasil Temu Bual.....243
Jadual 7.1	Penggolongan Responden Berdasarkan Hasil Temu Bual.....276

## SENARAI GAMBAR

	<b>Halaman</b>
Gambar 5.1 Penolakan dan penentangan kumpulan gabungan aktivis mahasiswa, NGOs yang tergabung dalam Koalisi Anti Mafi Lombong melakukan aksi blokade di Jembatan Dondang.....	175
Gambar 5.2 Penentangan kehadiran syarikat perladangan sawit dan perlombongan arang batu di wilayah Kecamatan Muara Jawa, Sanga-Sanga dan Loa Janan, Kutai Kartanegara yang dianggap menyengsarakan masyarakat tempataan dan petani.....	228

## SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>
Rajah 2.1	Konsep Konflik Secara am .....24
Rajah 2.2	Konsep Konflik Politik .....34
Rajah 2.3	Hubungan Keterkaitan Teori Konflik Politik Terhadap Konflik Politik Dalam Pelaksanaan Dasar Pasca Perlombongan.....42
Rajah 2.4	Faktor Penyebab Munculnya Konflik Politik .....47
Rajah 2.5 I	Impak konflik Politik Jika Tidak Ditangani Secara Kolektif.....49
Rajah 2.6	Langkah Penyelesaian Konflik Politik dan Kestabilan Politik .....54
Rajah 2.7	Dasar Perlombongan dan Konflik politik .....77
Rajah 2.8	Konflik Politik tempatan dan Pusat dalam Pelaksanaan Dasar Pasca Perlombongan .....83
Rajah 2.9	Kerangka Konseptual .....84
Rajah 3.1	Reka bentuk kajian .....87
Rajah 4.1	Alur Pengajuan Perpermitan Perlombongan Arang Batu ..... 140
Rajah 4.2	Tingkat Kemiskinan Kalimantan Timur Tahun 2015 – 2020 ..... 158
Rajah 4.3	Indeks Kedalaman & Keparahan Kemiskinan Kalimantan Timur Tahun 2014 – 2020 ..... 159
Rajah 7.1	Sembilan Pola Pemanfaatan Kawasan Bekas Perlombongan .....274
Rajah 7.2	Penyelesaian Konflik Pasca Perlombongan .....288
Rajah 7.3	Kerangka Penyelesaian Konflik Politik Tempatan dan Pusat.....301

**KONFLIK POLITIK TEMPATAN DAN PUSAT DALAM  
PELAKSANAAN DASAR PASCA PERLOMBONGAN DI PROVINSI  
KALIMANTAN TIMUR, INDONESIA**

**ABSTRAK**

Aktiviti perlombongan arang batu merupakan sumber ekonomi utama penduduk di Provinsi Kalimantan Timur. Kerancangan aktiviti perlombongan arang batu ini telah mendatangkan impak kepada kualiti kehidupan penduduk, alam sekitar, ekonomi serta kestabilan politik. Maka, pengenalan peraturan dasar pasca perlombongan dilihat tindakan tepat oleh pihak pemerintah dalam membantu mengurangkan impak negatif bekas lombong arang batu kepada penduduk dan alam sekitarnya. Ketidak patuhan kepada peraturan dasar pasca perlombongan ini telah menjadi isu dan cabaran kepada pihak pemerintah serta penduduk tempatan. Kajian ini menghujahkan bahawa ketidak patuhan kepada dasar ini telah menimbulkan konflik politik pada peringkat tempatan dan pusat. Terdapat empat (4) objektif dalam kajian ini iaitu mengenalpasti fokus pelaksanaan dasar pasca perlombongan, mengenalpasti konflik serta menganalisis kesan politik tempatan dan pusat dalam pelaksanaan dasar pasca perlombongan, serta mencadangkan penyelesaian konflik politik tempatan dan pusat dalam pelaksanaan dasar pasca perlombongan di Provinsi Kalimantan Timur. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, di mana seramai 35 responden telah ditemubual secara mendalam. Hasil kajian ini mendedahkan bahawa fokus peruntukan peraturan dasar pasca perlombongan sedia ada telah membuka ruang kepada syarikat pengendali untuk tidak patuh kepada peraturan tersebut. Kedua, konflik ini wujud bila mana kesan peninggalan tapak perlombongan telah memberi ancaman keselamatan kepada semua penduduk serta kurang mendapat tindak balas segera dari pihak pemerintah untuk aduan yang disuarakan oleh penduduk. Ketiga, pematuhan peraturan dasar pasca perlombongan turut terikat dengan bidang kuasa pemerintah tempatan dan pusat serta tiada panduan yang jelas untuk membolehkan kedua-dua pihak duduk semeja untuk berunding berdasarkan pendekatan yang boleh diguna sama. Justeru, kajian ini merumuskan bahawa perlu ada garis panduan penyelesaian yang lebih jelas, sistematik serta boleh diukur dalam membantu ketegangan konflik politik tempatan dan pusat ini dikendalikan.

**LOCAL AND CENTRAL POLITICAL CONFLICT IN THE  
IMPLEMENTATION OF POST-MINING POLICIES IN EAST  
KALIMANTAN PROVINCE, INDONESIA**

**ABSTRACT**

Coal mining activities are the main economic contributor to East Kalimantan Province's people. These coal mining activities have significantly affected the quality of life of the community, the environment, the financial and political stability in East Kalimantan Province. Therefore, the introduction of post-mining basic policies has been seen as the proper action to reduce the negative impact of mining activity on the surrounding population and the environment. Disobedience of these post-mining policies has been an issue and a challenge to the government and local residents. This study argues that non-compliance with these policies has led to political conflict at the local and central levels. There are four (4) objectives in this study, namely to identify the focus of post-mining policies implementation, identify conflicts and analyse the impact of local and central politics in the implementation of post-mining policies, and recommend the resolution of local and central political conflicts in the implementation of post-mining policies in East Kalimantan Province. This study uses a qualitative approach, in which 35 respondents were interviewed in-depth. The results of this study revealed that the focus of the provision of existing post-mining policy rules has opened up space for operating companies to not comply with those rules. Second, this conflict exists when the effects of the abandonment of the mining site have posed a security threat to all residents and lack of immediate response from the government to complaints voiced by residents. Third, compliance with post-mining policy rules is also tied to local and central governments, and there are no clear guidelines to allow both parties to sit at the same table to negotiate based on a common approach. Thus, this study concludes that there need to be more transparent, systematic and measurable settlement guidelines in helping local and central political conflict tensions.

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Aktiviti perlombongan merupakan salah satu sumber hasil ekonomi utama di Indonesia. Aktiviti perlombongan yang dilakukan telah merancakkan pembangunan ekonomi masyarakat setempat di beberapa bahagian Indonesia seperti di Kalimantan, Sumatera dan Papua. Kebergantungan kepada aktiviti perlombongan ini telah menyebabkan pihak berkuasa kerajaan Indonesia menetapkan dasar khusus untuk aktiviti pasca perlombongan bagi memastikan kelestarian pembangunan kawasan yang diterokai oleh aktiviti perlombongan dapat diurus dengan sempurna dan dipulihkan.

Namun kepatuhan terhadap dasar pasca perlombongan ini telah mengundang perselisihan urus tadbir antara masyarakat tempatan dan pihak kerajaan pusat. Hal ini turut berkait rapat dengan aspek konflik politik dalam penguasaan kawasan perlombongan dan pematuhan terhadap dasar pasca perlombongan (H. K. Subarudi *et al.*, 2016).

Justeru, kajian ini tertarik untuk merungkai kewujudan konflik politik tempatan dan pusat khususnya dalam pelaksanaan dasar pasca perlombongan di Provinsi Kalimantan Timur. Kajian ini menghujahkan bahawa kepatuhan syarikat terhadap dasar pasca perlombongan mampu memberi kesejahteraan yang sempurna kepada penduduk di sekitar kawasan perlombongan, seterusnya menjamin persekitaran dan pembangunan kawasan yang lestari dan berkesan.

## 1.2 Latar belakang

Indonesia merupakan negara yang mempunyai banyak sumber kekayaan alam seperti minyak, gas, arang batu, tembaga, nikel dan lain-lain (Kuo, 2012). Di antara jenis perlombongan besar di Indonesia adalah perlombongan arang batu di mana perlombongan tersebar luas di pelbagai kawasan di Indonesia seperti Kalimantan dan Sumatra (Abood *et al.*, 2015; Sunderlin, 1999). Di Provinsi Kalimantan Timur dengan keluasan wilayah sekitar 130.000 kilometer persegi turut mengandungi sumber alam yang kaya seperti arang batu, mineral, gas dan minyak (MacKinnon *et al.*, 1996).

Arang batu merupakan salah satu sumber tenaga terbesar di dunia dimana penggunaannya terus meningkat, sama ada arang batu muda mahupun arang batu keras sehingga pembekalan akan disesuaikan mengikut permintaan penggunaan arang batu di peringkat antarabangsa yang diramalkan bekalannya wujud hingga tahun 2100 serta dapat memenuhi keperluan arang batu dunia (Thielemann *et al.*, 2007).

Justeru, peningkatan permintaan arang batu telah mendorong kadar peningkatan aktiviti perlombongan arang batu di beberapa bahagian dunia termasuk Indonesia, yang telah menjadi pengeksport arang batu terbesar dunia dan pembekal utama ke pasaran arang batu Asia (Belkin *et al.*, 2009).

Menurut Agensi Geologi Kementerian Tenaga dan Sumber Mineral (ESDM), pengeluaran arang batu negara pada tahun 2017 adalah 461 juta tan dan sumber 125 bilion tan dengan rizab 26.2 bilion tan. Kemudian pada tahun 2018 produksi arang batu meningkat kepada 485 juta tan dan sumber 166 bilion tan dengan rizab 37 bilion tan. Kekayaan sumber alam yang dimiliki oleh Indonesia telah diterokai untuk memenuhi keperluan rakyat Indonesia. Kewujudan perlombongan arang batu telah banyak menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara Indonesia (Ginting, 2010).



Provinsi Kalimantan Timur menghasilkan pengeluaran arang batu sebanyak 83 juta tan dengan purata pengeluaran berkisar 250 juta tan setiap tahun (37% daripada jumlah rizab arang batu di Indonesia) (Baruya, 2009). Penerokaan arang batu telah memberikan sumbangan besar bagi masyarakat Provinsi Kalimantan Timur. Pada ketika ini kerajaan Provinsi Kalimantan Timur telah memberikan kebenaran meneroka sumber alam secara berleluasa di mana salah satunya merupakan aktiviti perlombongan arang batu (Ginting, 2010).

Pengenalan Undang-Undang Nombor 23 Tahun 2014 tentang kerajaan tempatan sebagai pengganti Undang-Undang Nombor 32 Tahun 2004 yang memberikan pindaan kuasa dari kerajaan pusat kepada kerajaan di peringkat wilayah bagi meluluskan kebenaran perlombongan sumber semula jadi. Oleh yang demikian, bidang kuasa memberi kebenaran Permit Perniagaan Perlombongan (IUP) di Provinsi Kalimantan Timur sepenuhnya di bawah bidang kuasa pihak Kerajaan Wilayah Provinsi Kalimantan Timur. Manakala kebenaran Perjanjian Karya Perniagaan Perlombongan Arang batu (PKP2B) adalah bidang kuasa kerajaan pusat. IUP di Kalimantan Timur secara keseluruhan mencapai 1.404 syarikat perlombongan arang batu yang menjalankan aktiviti perniagaan dengan keluasan kawasan perlombongan sekitar 5.5 juta hektar, manakala PKP2B sebanyak 30 syarikat perlombongan (CNN Indonesia, 2019).

**Jadual 1.1 Jadual Izin Usaha Perlombongan (IUP) di Provinsi Kalimantan Timur**

No	Nama Kota/Kabupaten	Jumlah IUP
1	Samarinda	63
2	Kutai Kartanegara	625
3	Kutai Timur	161
4	Kutai Barat	244
5	Paser	67
6	Penajam Paser Utara	151

No	Nama Kota/Kabupaten	Jumlah IUP
7	Berau	93
Total		1.404

Sumber: Perkhidmatan Perlombongan dan Energy Kalimantan Timur 2017

Aktiviti perlombongan arang batu sememangnya memberi impak kepada alam sekitar seperti perubahan fizikal, kimia dan biologi apabila ia menggali lubang yang dalam dan memindahkan tanah dalam jumlah besar. Salah satunya adalah impak perubahan pada air bawah tanah, air permukaan, perubahan morfologi dan tipologi tanah, gangguan habitat flora dan fauna (Ripley & Redmann, 1995).

Manakala impak sosial dalam komuniti seperti gangguan kelancaran penggunaan jalan awam, konflik politik pemilikan tanah hingga perubahan ke atas pergeseran nilai-nilai budaya masyarakat, kerosakan kepada bekas tanah perlombongan, kerosakan kepada tanah pertanian dan perkebunan serta pembukaan kawasan hutan menjadi kawasan perlombongan. Pencemaran ke atas tanah, air mahupun udara telah mengakibatkan kerosakan *biodiversiti* mahupun kemudahan jalan (Bian *et al.*, 2009). Seterusnya berlaku kelemahan dari sudut kesejahteraan di kawasan kampung kerana kesan perlombongan arang batu. Hal ini disebabkan adanya pertambahan jumlah penduduk yang tidak seimbang dengan penambahan infrastruktur pada bidang ekonomi, kesihatan, pendidikan dan pengangkutan (Akabzaa & Darimani, 2001).

Dari sudut ekonomi, aktiviti perlombongan dapat memberikan keuntungan besar untuk menjana keuntungan daripada pelaburan asing dan penyerapan pekerja tempatan dan dapat meningkatkan Pendapatan Asli Daerah (PAD) dimana para usahawan dikenakan cukai dan lain-lain. Walau bagaimanapun, faedah ekonomi yang

diperoleh tidak setanding dengan kerosakan alam sekitar yang menyebabkan aktiviti perlombongan yang tertakluk kepada penerokaan dan eksploitasi (Fünfgeld, 2016).

Kajian yang sama juga dilakukan oleh Ghose and Majee (2000), Listiyani (2017); Nel *et al.* (2003); Zhengfu *et al.* (2010); Si *et al.* (2010) aktiviti perlombongan arang batu juga boleh mengakibatkan rosaknya ekosistem hutan, pencemaran air, tanah dan udara serta dapat mengubah bentuk topografi dan keadaan muka tanah (*land impact*), pencemaran akibat debu dan asap yang mencemari udara dan air, air sisa, sampah buangan (*tailing*) serta buangan tambang yang mengandungi zat beracun, suara bising dari jentera alat berat dan ledakan lombong, menimbulkan tanah runtuh dan gangguan kesihatan.

Perlombongan merupakan aktiviti untuk memanfaatkan hasil sumber alam seperti arang batu dan mineral yang digunakan untuk keperluan pembangunan dan peningkatan taraf hidup masyarakat. Perniagaan perlombongan arang batu dapat memberikan impak positif ke atas menaiktarafkan perekonomian dan pembangunan kehidupan masyarakat (Al-fatah, 2014). Walau bagaimanapun, kewujudan impak negatif selepas aktiviti perlombongan yang mengakibatkan kerosakan ekosistem alam sekitar, perubahan sosial dan ekonomi masyarakat tempatan dapat menaikkan konflik sosial dan politik (Kuter, 2013).

Kebanyakan projek perlombongan disertai konflik politik terhadap pelbagai isu seperti konflik ke atas pemilikan tanah, konflik ke atas pampasan bagi aset yang hilang, konflik yang berkaitan dengan kemusnahan alam sekitar, konflik ke atas manfaat perkongsian dan akhirnya konflik terhadap penyalahgunaan hak asasi manusia (Resosudarmo *et al.*, 2012).

Dengan adanya dasar perlombongan, ia berpotensi untuk mewujudkan konflik politik dalam masyarakat, sama ada konflik vertikal antara kerajaan dan masyarakat atau konflik horisontal antara orang-orang yang merupakan pro- dasar perlombongan dan orang-orang yang menentang kewujudan dasar perlombongan, boleh menyebabkan kepercayaan masyarakat berkurang kepada kerajaan (Resosudarmo *et al.*, 2012)

Jaringan Advocacy Perlombongan (Jatam) menilai bahawa hampir semua syarikat perlombongan yang memasuki suatu kawasan selalu diwarnai oleh konflik antara masyarakat sekitar dengan syarikat, masyarakat dan kerajaan, atau antara kumpulan masyarakat itu sendiri. Dari tahun 2014 sehingga 2019 terdapat 71 kes konflik. Konflik tersebut berlaku antara masyarakat yang menolak kebenaran perlombongan, syarikat dan pemerintah (Resosudarmo *et al.*, 2012).

Konflik perlombongan di Kalimantan Timur disebabkan oleh faktor politik dan ekonomi iaitu penguasaan tanah ulayat oleh syarikat perlombongan yang memegang IUP oleh kerajaan tempatan dan PKP2B oleh kerajaan pusat, seterusnya konflik politik vertikal sering berlaku dalam interaksi antara negara dan rakyat kerana wujudnya penentangan masyarakat terhadap dasar perlombongan dan pengagihan ekonomi yang tidak adil kepada masyarakat tempatan (Resosudarmo *et al.*, 2012).

Mengikut kepada Keputusan Menteri Perlombongan dan Energi Nombor 1211 Tahun 1995 agar konflik-konflik tersebut tidak terjadi maka salah satu aktiviti penting yang dilakukan selepas perlombongan arang batu adalah pasca perlombongan, iaitu aktiviti terencana, terancang, dan berlanjutan selepas sebahagian atau seluruh aktiviti perniagaan perlombongan untuk memulihkan fungsi persekitaran alam dan fungsi sosial mengikut keadaan tempatan di seluruh kawasan perlombongan berakhir.

Ironinya, aktiviti perlombongan kerap menyebabkan konflik politik dikalangan masyarakat setempat disekitar kawasan perlombongan. Konflik politik ini muncul kerana kesan yang timbul daripada perlombongan arang batu. Bukan sahaja impak perlombongan arang batu boleh mengakibatkan kerosakan kepada alam sekitar secara fizikal, namun kesan buruk syarikat perlombongan arang batu juga melanggar Hak Asasi Manusia (HAM) dan keadilan sosial, ketidakadilan dan kemiskinan, dan isu yang melibatkan pekerja (Resosudarmo *et al.*, 2012).

Bebbington *et al.* (2008) mengenal pasti dua ciri utama yang menentukan sektor perniagaan: pertikaian dan kekaburan. Pertikaian disebabkan perlombongan mempunyai kesan buruk yang signifikan ke atas hubungan masyarakat, alam sekitar dan ekonomi walaupun terdapat manfaat terhadap kepada beberapa orang. Salah satu penyebab terjadinya konflik politik adalah disebabkan wujudnya hubungan yang tidak seimbang diantara hubungan manusia seperti aspek sosial, ekonomi dan kekuasaan. Contohnya wujud ketidaksejahteraan kepada masyarakat sekitar serta akses yang tidak sama kepada sumber alam oleh penduduk, dimana ini telah menimbulkan masalah kepada masyarakat tempatan (Resosudarmo *et al.*, 2012).

Seperti yang dijelaskan di atas boleh membawa kepada konflik politik. Konflik politik dalam kes ini adalah hubungan antara dua atau lebih pihak (individu atau kumpulan) yang ada, atau yang merasakan mereka mempunyai sasaran yang tidak sesuai. Konflik politik berlaku apabila matlamat masyarakat tidak lagi selari. Contohnya jurang status antara masyarakat, kesejahteraan yang tidak sama rata dan akses yang tidak selari kepada sumber alam, dan kuasa tidak seimbang yang menyebabkan masalah seperti pengangguran, kemiskinan, penindasan, dan jenayah (Resosudarmo *et al.*, 2012).

### 1.3 Pernyataan masalah

Pemmasalahan dalam kajian ini adalah pematuhan dasar pasca perlombongan arang batu sebagai usaha mengurangkan konflik politik penduduk setempat dengan pihak kerajaan, seterusnya menjamin kesejahteraan hidup penduduk yang baik. Perkara yang berlaku sebenarnya adalah aktiviti perlombongan arang batu ini telah memberi kesan besar kepada kualiti kehidupan penduduk dan alam sekitarnya. Keadaan yang berlarutan panjang ini telah memaksa pihak kerajaan memperkenalkan dasar pasca perlombongan bagi memastikan usaha pemulihan alam sekitar dapat dipulihkan dan diperbaharui seterusnya meningkatkan kualiti kehidupan penduduk.

Berdasarkan permasalahan di atas, secara epistemologinya adalah isu yang dibangkitkan berkaitan dengan pematuhan terhadap dasar pasca perlombongan dalam mengurangkan konflik politik penduduk setempat dan kerajaan ini, telah menyumbang ke arah sumber ilmu berdasarkan kepada epistemologi positivisme yang mana sumber ilmunya berasas rasional saintifik yang juga dinamakan *logical positivism* atau *logical empiricism*. Positivisme di sini merujuk kepada pengabsahan penemuan kajian terhasil melalui pengujian dan pembuktian kejadian di tapak dengan menyemak apa yang berlaku kepada masyarakat dikaji yang merujuk kepada penduduk yang tinggal di sekitar kawasan perlombongan, ketua pemimpin pusat dan tempatan. Kajian ini menghujahkan bahawa dasar ini memerlukan komitmen daripada pihak syarikat perlombongan dan pihak kerajaan untuk memastikan pelaksanaan dasar ini dapat direalisasikan. Namun, apa yang berlaku dalam usaha meningkatkan pelaksanaan dasar pasca perlombongan ini adalah ketidakpatuhan kepada dasar ini, akhirnya menimbulkan konflik politik dalam kalangan masyarakat tempatan dan kerajaan pusat. Kajian ini menghujahkan bahawa konflik politik yang timbul kerana masalah yang berlaku akibat pelaksanaan dasar pasca perlombongan yang tidak dipatuhi. Penduduk

setempat merasakan bahawa pelaksanaan dasar pasca perlombongan telah merugikan mereka kerana masalah yang telah berlaku muncul selepas aktiviti perlombongan berakhir, sama ada kerosakan alam sekitar, sosial dan ekonomi.

Aktiviti perlombongan arang batu di Provinsi Kalimantan Timur memberikan impak negatif kepada masyarakat yang tinggal di kawasan perlombongan arang batu kerana kerosakan alam sekitar termasuk kerosakan kawasan pertanian, kerosakan infrastruktur awam, kematian, pencemaran udara, banjir dan munculnya konflik politik pada pasca perlombongan. (Fatah, 2008; Jaringan Advokasi Tambang, 2017).

Pihak kerajaan diwajibkan untuk menguatkuasakan peraturan bagi perlombongan arang batu untuk menjalankan tanggungjawab pasca perlombongan sehingga mereka tidak mengabaikan peraturan (Puluhulawa, 2011). Walau bagaimanapun dalam pelaksanaannya, masih terdapat banyak syarikat perlombongan yang tidak melaksanakan kewajibannya berdasarkan data di atas. Perkara ini mengundang konflik politik masyarakat tempatan dengan kerajaan pusat.

Aktiviti perlombongan di Provinsi Kalimantan Timur telah menimbulkan pelbagai impak, sama ada terhadap impak positif mahupun negatif (Fünfgeld, 2016). Antaranya adalah konflik politik yang dilihat boleh timbul ketika peringkat sebelum proses perlombongan, semasa operasi serta pasca perlombongan (Thaler & Anandi, 2017). Konflik politik ini terjadi disebabkan pemilikan tanah, pampasan tidak adil, pembahagian sumber daya yang tidak adil, degradasi persekitaran, kemiskinan yang disebabkan oleh lombong, dan konflik atas pelanggaran Hak Asasi Manusia (Abuya, 2018)

Menurut Bartos and Wehr (2002) konflik politik ini adalah situasi dimana terjadinya suatu pertentangan dan permusuhan diantara para pihak yang terlibat dalam

mencapai suatu tujuan tertentu, yaitu kepentingan bersama. Beliau menegaskan situasi konflik ini wujud disebabkan oleh pertentangan, permusuhan yang diwujudkan mereka yang menimbulkan konflik (perilaku konflik)

Sabarudin *et al.* (2016) melihat bahawa konflik politik yang muncul dalam bentuk protes serta pertentangan terhadap aktiviti perlombongan adalah seperti demonstrasi daripada masyarakat tempatan, mahasiswa, gabungan petani dan nelayan, kumpulan alam sekitar mahupun Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs), aktivis Wahana Persekitaran Alam (Wahana Lingkungan Hidup/Walhi), Jaringan Perlombongan (Jaringan Advokasi Tambang /Jatam). Mereka ini adalah kumpulan masyarakat yang mengambil berat tentang impak aktiviti perlombongan terhadap alam sekitar (R. Subarudi *et al.*, 2016). Rintangan dan percanggahan ini timbul kerana mereka menganggap aktiviti perlombongan arang batu menjadi perosak kepada alam sekitar serta boleh memusnahkan masa depan masyarakat Kalimantan Timur (K. Jatam, 2017; Siburian, 2016).

Secara teorinya penyebab konflik politik dapat dilihat tidak hanya hadir dengan satu faktor sahaja malah boleh wujud diatas beberapa faktor lain seperti struktural, kepentingan, nilai, hubungan antara manusia dan faktor data. Masalah struktural di sini adalah sebab-sebab konflik politik yang berkaitan dengan kuasa, pihak berkuasa, dasar awam sama ada dalam bentuk peraturan perundangan mahupun dasar formal lainnya dan juga persoalan geografi dan faktor sejarah (Kristiyono, 2008).

Jika dilihat perkara berkaitan dengan tuntutan pelaksanaan dasar pasca perlombongan di Provinsi Kalimantan Timur adalah sangat berkait rapat dengan pelaksanaannya agar ia dapat dilakukan dengan cara yang betul sesuai dengan matlamat yang tidak memusnahkan alam sekitar, seterusnya memperbaiki kerosakan pada aspek



persekitaran, sosial, ekonomi masyarakat yang terkena impak dari perlombongan. Keadaan ini telah memaksa penduduk menuntut kepada kerajaan wilayah dan kerajaan pusat untuk menguatkuasakan pelaksanaan dasar pasca perlombongan ini. Hal ini dapat dianalisis bahawa faktor penyebab konflik politik kerana persoalan struktural iaitu dasar peraturan perundangan, dimana undang-undang Peraturan Kerajaan Nombor 78 Tahun 2010 tentang Penambahan Pasca Perlombongan perlu dipatuhi.

Berikut adalah beberapa kajian konflik politik yang muncul kerana pelaksanaan daripada perlombongan. seperti Davidman (2017), aktiviti akhir pasca perlombongan yang tidak sesuai dengan dokumen pelaksanaan pasca perlombongan menimbulkan konflik politik di masyarakat. Kajian yang dilakukan Irwandi and Chotim (2017) penyebab konflik politik adalah tidak wujud proses sosialisasi dimana kerjaan tempatan kurang terbuka terhadap masyarakat, dan berlaku perbezaan kepentingan.

Manakala menurut Mahrudin (2010) yang menyumbang berlakunya konflik politik adalah jurang komunikasi antara syarikat dan masyarakat, rampasan tanah dan tanaman masyarakat tempatan, sistem penerimaan pekerja yang tidak telus. Kajian yang dilakukan R. Subarudi *et al.* (2016) penyebab konflik politik iaitu memperkasakan undang-undang yang lemah dalam bidang perlombongan, kurang selarasnya dasar pemerintah, kebenaran bertindih, kurang komunikasi dan tidak melakukan penambahan tanah bekas lombong.

Selari dengan kajian yang dilakukan S. Bradshaw (2009) penyebab konflik politik iaitu masyarakat tempatan merasakan manfaat yang diperolehi adalah sedikit berbanding pendapatan perlombongan serta pihak kerajaan tidak mempunyai kuasa dan keinginan politik untuk mengawal perlombongan dan menguruskan konflik tempatan, syarikat perlombongan telah menimbulkan masalah serius dalam hubungan dengan

masyarakat tempatan. Kajian yang dilakukan Hilson (2002) penyebab munculnya konflik politik kerana kerosakan alam sekitar yang tidak dapat diperbaiki, dan buruknya komunikasi syarikat. Oleh itu, sifat operasi perlombongan inilah yang membawa fenomena munculnya konflik politik yang tidak dapat dihindarkan oleh masyarakat setempat. Abuya (2018) penyebab munculnya konflik politik disebabkan kerana rampasan tanah masyarakat secara satu pihak oleh negara menyebabkan kemerosotan alam sekitar kerana penambakan yang gagal, manfaat atau keuntungan yang tidak dinikmati secara adil oleh masyarakat. Mensah and Okyere (2014) penyebab munculnya konflik politik, iaitu masalah pampasan, pemindahan permukiman, dan impak kesihatan masyarakat.

Dalam kajian ini perkara berlatar belakangkan sebab munculnya konflik politik disebabkan oleh beberapa hal, iaitu manfaat dan kesejahteraan masyarakat yang kurang dinikmati masyarakat tempatan yang tinggal di sekitar kawasan aktiviti perlombongan, peranan pihak kerajaan dalam menyelesaikan persoalan perlombongan yang berlaku terlalu lambat dan paling terkesan apabila kapasiti dan kemahuan politik untuk mengawal industri perlombongan dan mengurus konflik serta penyeliaan dan penyelesaian pelanggaran peraturan yang tidak memberikan keyakinan kepada masyarakat.

Oleh yang demikian, dasar pasca perlombongan diperlukan bagi menjalankan pelaksanaan dasar pasca perlombongan untuk lebih berkesan dengan matlamat untuk mengurangi kerosakan alam sekitar dan menyelesaikan impak sosial, ekonomi dan budaya masyarakat yang tinggal di kawasan perlombongan untuk mencegah munculnya konflik politik pasca perlombongan. Pelaksanaan dasar pasca perlombongan di Provinsi

Kalimantan Timur belum dilaksanakan dengan berkesan (Alting, 2013; K. Jatam, 2017; Muhdar *et al.*, 2015).

Kajian ini menghujahkan bahawa konflik politik tempatan dan pusat yang disebabkan daripada impak pelaksanaan dasar perlombongan yang tidak sesuai dengan peraturan yang sedia ada. Bagi merungkaikan permasalahan kajian ini aspek manfaat dan kesejahteraan masyarakat, peranan pihak berkuasa, penyeliaan dan penyelesaian pelanggaran peraturan akan dikaji. Seterusnya ia akan mengukuhkan lompong kajian lalu yang sering membincangkan perkara berkaitan pelaksanaan dasar perlombongan sahaja dan amat terhad kajian yang menjelaskan kajian konflik politik tempatan dan pusat akibat dari pelaksanaan dasar pasca perlombongan.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, secara amnya kajian ini hendak menyelidik konflik politik tempatan dan pusat. Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif kajian berikut :

1. Mengenal pasti fokus di dalam pelaksanaan dasar pasca perlombongan di Provinsi Kalimantan Timur.
2. Mengenal pasti konflik politik tempatan dan pusat dalam pelaksanaan dasar pasca perlombongan di Provinsi Kalimantan Timur.
3. Menganalisis kesan konflik politik tempatan dan pusat dalam pelaksanaan dasar pasca perlombongan di Provinsi Kalimantan Timur.
4. Mencadangkan penyelesaian konflik politik tempatan dan pusat dalam pelaksanaan dasar pasca perlombongan di Provinsi Kalimantan Timur.

## **1.5 Persoalan Kajian**

Berdasarkan huraian masalah di atas, kajian ini akan meneliti persoalan–persoalan kajian seperti berikut :

1. Apakah fokus dalam pelaksanaan dasar pasca perlombongan di Provinsi Kalimantan Timur?
2. Apakah konflik politik tempatan dan pusat dalam pelaksanaan dasar pasca perlombongan di Provinsi Kalimantan Timur?
3. Sejauh mana kesan konflik politik tempatan dan pusat dalam pelaksanaan dasar pasca perlombongan di Provinsi Kalimantan Timur?
4. Bagaimanakah penyelesaian konflik tempatan dan pusat dalam pelaksanaan dasar pasca perlombongan di Provinsi Kalimantan Timur?

## **1.6 Definisi Operasional**

Terdapat lima (5) kunci utama dalam kajian ini, iaitu konflik politik, politik tempatan, politik pusat, pelaksanaan dasar, dasar pasca perlombongan. Lima kata kunci inilah yang akan dibincangkan dalam bahagian ini, matlamatnya adalah untuk menjelaskan maksud yang dipakai dalam kajian ini.

### **1.6.1 Konflik Politik**

Konflik politik yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah penentangan atau percanggahan dari kumpulan masyarakat yang tidak setuju dengan sikap, dasar, pelaksanaan dasar atau keputusan kerajaan yang berkuasa.

Konflik politik ialah jantung dari semua sistem politik. Konflik politik dapat ditemukan antara warga negara, kumpulan sosial serta antara perwakilan politik dan parti-parti politik (Skoog, 2015). Surbakti (1992) mengatakan bahawa konflik politik merupakan perbezaan pendapat, persaingan dan percanggahan diantara sejumlah

individu, kumpulan atau pertubuhan dalam upaya mendapatkan dan mempertahankan sumber-sumber dari keputusan yang dibuat dan dilaksanakan kerajaan.

Definisi lain yang sering digunakan tentang konflik politik adalah bahawa konflik terjadi ketika ada kesulitan dalam mendamaikan kepentingan yang berbeza atau ketika ada perbezaan pendapat mengenai matlamat (Folger & Bush, 1994; Pondy, 1967; Schmidt & Kochan, 1972). Sementara Smith (1999) mengatakan bahawa konflik adalah percanggahan antara dua pihak kerana perbezaan fahaman, prinsip dan ideologi.

### **1.6.2 Politik Tempatan**

Politik tempatan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah keseluruhan komponen secara dinamik berinteraksi dalam konteks peranan, kapasiti, keupayaan serta interaksi antara komponen dalam proses kerajaan di peringkat tempatan.

Politik tempatan merupakan sebahagian daripada suatu sistem politik yang dijalankan oleh suatu sesebuah negara. Dalam hal ini konteks tempatan membawa makna heterogeniti masyarakat tempatan yang memiliki kesejarahan, situasi dalaman dan psikologi yang berbeza. Keadaan tersebut sudah pasti memberikan sumbangan kepada peringkat politik tempatan sebagai cara memanasikan atau praktik dari paradigma yang terbina. Mengikut kepada *Centre for Strategic and International Studies* politik tempatan adalah dinamik institusi-institusi politik tempatan dalam merealisasikan interaksi penyelenggaraan pemerintahan, kehidupan bermasyarakat dan fungsi peranan yang dilaksanakan oleh institusi masing-masing tersebut (Nasiwan, 2010; Sondakh, 2017; Susan & Oyamada, 2015).

### **1.6.3 Politik Pusat**

Politik pusat yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah pihak kerajaan pusat yang berkedudukan di ibu negara yang memiliki hak dan kuasa untuk menyusun kerajaan. Kerajaan pusat adalah penyusunan kerajaan negeri kesatuan Republik Indonesia, iaitu presiden dengan dibantu oleh seorang timbalan presiden dan oleh menteri-menteri negari. Dengan kata lain, kerajaan pusat adalah kerajaan secara nasional yang berpusat di ibu negeri Republik Indonesia (Simanjuntak, 2013).

Kerajaan pusat ialah Presiden Republik Indonesia yang memegang kuasa kerajaan negeri Republik Indonesia yang dibantu oleh timbalan presiden dan menteri sebagaimana dimaksudkan dalam Undang-Undang Dasar Negara Republik Indonesia Tahun 1945. Ini bermakna bahawa kerajaan pusat mempunyai kuasa untuk dapat mengatur urusan pemerintahan di peringkat wilayah / daerah, sama ada dipihak berkuasa pentadbiran dan dipihak berkuasa politik (Indonesia, 2004).

### **1.6.4 Pelaksanaan Dasar**

Pelaksanaan Dasar yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pelaksanaan atau penerapan dari suatu keputusan dasar yang telah dibuat untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh para pembuatnya. Definisi pelaksanaan bukan hanya satu aktiviti sahaja, namun satu aktiviti pertama yang dirancangkannya atau dilaksanakan berdasarkan norma-norma atau peraturan tertentu untuk mencapai matlamat yang telah dipersetujui dalam aktiviti tersebut. Pelaksanaan dipengaruhi oleh objek seterusnya sehingga ia tidak dapat berdiri sendiri. Pendek kata, pelaksanaan boleh diertikan sebagai *implementation* atau permohonan (Sore, 2017).

Percy (2018); Browne and Wildavsky (1983) mengatakan bahawa “pelaksanaan adalah pengembangan aktiviti yang saling menyelaraskan, melibatkan usaha pembuat dasar untuk mempengaruhi apa yang disebut Lipsky sebagai “*street level bureaucrats*” untuk menyediakan perkhidmatan atau menguruskan tingkah laku kumpulan sasaran (*target group*).

Secara ringkasnya, matlamat pelaksanaan dasar adalah untuk menetapkan hala tuju matlamat supaya matlamat dasar awam dapat direalisasikan sebagai hasil dari aktiviti pemerintah (Akib, 2012; Wibawa, 1994a). Seterusnya Purwanto (2012) menjelaskan bahawa keseluruhan proses menetapkan dasar baru boleh bermula jika matlamat dan objektif yang pada peringkat awal secara amnya menjadi terperinci serta program yang telah direka bentuk dan juga peruntukan dana telah diperuntukkan untuk merealisasikan matlamat dan objektif tersebut. Oleh itu, apa yang dimaksudkan dengan pelaksanaan dasar dalam kajian ini adalah pelaksanaan aktiviti secara praktis (amali) daripada dasar yang ditujukan bagi mencapai matlamat yang dikehendaki.

#### **1.6.5 Dasar Pasca Perlombongan**

Dasar pasca perlombongan yang dimaksud dalam kajian ini ialah suatu langkah tindakan yang dirancang dengan sistematik dan berterusan termasuk: aktiviti penambakan; aktiviti penyelenggaraan dan penjagaan alam sekitar, dan aktiviti pembangunan sosial-ekonomi.

Seterusnya, mengikut pandangan Anderson *et al.* (1998); (Meyers *et al.*, 2007) dasar adalah satu langkah tindakan sengaja dilakukan dengan matlamat pelaku berkenaan dengan menangani persoalan tertentu yang menjadi perhatian. Menurut Undang-Undang Nombor 4 Tahun 2009 pasca perlombongan adalah aktiviti yang

dirancang, sistematis dan terus menerus setelah berakhirnya sebahagian atau keseluruhan aktiviti perniagaan perlombongan untuk mengembalikan fungsi alam sekitar dan fungsi sosial sesuai keadaan setempat di seluruh kawasan perlombongan.

Oleh itu, kelestarian merupakan sebahagian daripada aktiviti akhir (jika di peringkat operasi pengeluaran sesetengah kawasan diminta dan/atau akan diserahkan semula) sehingga berakhirnya seluruh aktiviti perlombongan.

### **1.7 Skop Dan Batasan Kajian**

Untuk membuat kajian tesis ini lebih terfokus, beberapa batasan mengenai subjek kajian adalah berfokus pada konflik politik tempatan dan pusat. Dengan batasan kajian objektif termasuk pelaksanaan dasar pasca perlombongan. Manakala kajian kes pula dihadkan pada kawasan perlombongan di Provinsi Kalimantan Timur. Untuk menjadikan kajian ini lebih terfokus, berikut batasan kajian yang ditetapkan:

- i. Batasan subjek kajian ; subjek kajian ini menekankan pada konflik politik tempatan dan pusat, kajian ini dibatasi pada konflik masyarakat tempatan dengan kerajaan pusat.
- ii. Batasan aspek kajian ; kajian ini menekankan pada aspek penyebab wujudnya konflik politik yang disebabkan pelaksanaan pasca perlombongan arang batu yang mewujudkan konflik politik berupa penentangan terhadap dasar perlombongan arang batu di Provinsi Kalimantan Timur.
- iii. Batasan lokasi ; kajian ini dibatasi pada lokasi masyarakat Samarinda dan Kutai Kartanegara yang duduk di sekitar perlombongan IUP dan PKP2B di Provinsi Kalimantan Timur, Indonesia.



## **1.8 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting untuk dijalankan diatas beberapa pertimbangan berikut:

- i. Untuk mengetahui konsep konflik politik tempatan dan pusat terhadap pelaksanaan dasar pasca perlombongan. Ini kerana aktiviti perlombongan arang batu memberikan impak besar terhadap kerosakan alam sekitar, sosial dan ekonomi pada masyarakat di sekitar kawasan perlombongan.
- ii. Secara teoretikalnya, kajian terdahulu hanya mengkaji akibat daripada kerosakan yang disebabkan perlombongan arang batu ke atas alam sekitar, sosial dan ekonomi. Namun begitu masih belum ada kajian mengenai bagaimana konflik politik tempatan dan pusat akibat perlombongan yang dikaji berdasarkan elemen penyebab konflik secara bersama semestinya dilakukan agar aktiviti perlombongan arang batu dapat dikuatkuasakan dengan baik.
- iii. Secara praktikal, kajian ini diharapkan memberikan sumbangan kepada konsep konflik politik tempatan dan pusat dalam pelaksanaan dasar pasca perlombongan di Provinsi Kalimantan Timur.

Berdasarkan kepentingan kajian di atas, kajian konflik politik tempatan dan pusat diharapkan memberi sumbangan pemikiran kepada ilmu politik sama ada secara empirikal, teoretikal dan aplikasi. Berdasarkan hujah tersebut, maka dapat dinyatakan kajian ini mustahak dilakukan kerana memberi sumbangan secara teoretis mahupun praktikal sehingga ia layak untuk dijalankan sebagai sebuah kajian ilmiah.

## **1.9 Organisasi Tesis**

Secara keseluruhan, kajian ini dibahagikan kepada tujuh bab. Bab pertama adalah pendahuluan. Bahagian ini mengandungi pengenalan, latar belakang kajian,

pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional, skop dan batasan kajian dan kepentingan kajian. Selain itu, organisasi keseluruhan tesis dimasukkan.

Dalam bab kedua membincangkan kajian terdahulu dan menyoroti karya yang sesuai dengan topik kajian. Oleh itu, pada bab ini bukan sahaja mengkaji lompang kajian dan daripada literatur yang dikenal pasti tetapi juga menghala kepada pembentukan kerangka konseptual kajian. Manakala bab ketiga membincangkan mengenai kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini.

Seterusnya bab keempat membahas mengenai hasil jawapan persoalan kajian pertama, iaitu fokus dalam pelaksanaan dasar pasca perlombongan di Provinsi Kalimantan Timur. Bab kelima membahas mengenai hasil jawapan kepada persoalan kajian kedua, iaitu konflik politik tempatan dan pusat dalam pelaksanaan dasar pasca perlombongan di Provinsi Kalimantan Timur.

Selanjutnya adalah bab keenam iaitu tumpuan untuk kajian kesan konflik politik tempatan dan pusat dalam pelaksanaan dasar pasca perlombongan di Provinsi Kalimantan Timur. Bab ketujuh pula memberikan tumpuan untuk kajian mencadangkan penyelesaian konflik tempatan dan pusat dalam pelaksanaan dasar pasca perlombongan di Provinsi Kalimantan Timur. Data dan maklumat yang diperolehi dari semakan kajian lapangan di mana temu bual bersama pakar berkaitan konflik politik tempatan dan pusat pasca perlombongan di Provinsi Kalimantan Timur.

Akhir sekali adalah bab kelapan adalah kesimpulan daripada keseluruhan tesis yang memuatkan dapatan kajian, implikasi dan cadangan.

## **1.10 Kesimpulan**

Bab ini memberi gambaran mengenai konflik politik tempatan dan pusat dalam pelaksanaan dasar pasca perlombongan di Provinsi Kalimantan Timur. Kandungan bab ini meliputi pengenalan, latar belakang kajian, juga memberi pernyataan tentang persoalan dan maklumat kajian melalui objektif kajian dan persoalan kajian. Ini dijelaskan dengan memperkukuhkan definisi operasional kajian yang berkaitan dengan kajian serta skop dan batasan kajian dan berakhir dengan organisasi tesis.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Pada bab dua bahagian ini membincangkan dan menganalisis kajian literatur yang membincangkan tentang konflik politik, teori-teori berkaitan konflik politik dan hubungan kaitan Teori Ralph Dahrendorf, Teori Pruitt dan Rubin serta impak konflik politik. Penyelidik juga akan mengkaji langkah penyelesaian konflik politik dan kestabilan politik, dasar pasca perlombongan di Indonesia, konflik politik antara kerajaan dan masyarakat, konflik politik tempatan dan pusat dalam pelaksanaan dasar pasca perlombongan dan kerangka konseptual dan kesimpulan.

Bagi lokasi penyelidikan penyelidik telah memilih Provinsi Kalimantan Timur yang merupakan provinsi kedua terbesar selepas Papua kerana provinsi ini mempunyai potensi sumber semula jadi yang banyak dimana kebanyakan potensi tersebut belum dimanfaatkan secara optimum. Ini dapat dilihat sumber asli dan hasil keluarannya kebanyakannya dieksport ke luar negara secara tidak langsung meletakkan wilayah ini merupakan penyumbang pertukaran asing utama negara khususnya daripada sektor perlombongan. Secara amnya, pentadbiran provinsi ini bersempadan dengan Kalimantan Utara, di sebelah timur bersempadan dengan sebahagian daripada Selat Makassar (12 mil) dan Laut Sulawesi, manakala pada bahagian selatan bersempadan dengan Provinsi Kalimantan Selatan dan pada bahagian barat ia bersempadan dengan Wilayah Kalimantan Tengah dan Wilayah Kalimantan Barat. Sarawak, Malaysia Timur dimana Kalimantan Timur mempunyai luas daratan 127.267,52 km<sup>2</sup> dan kawasan pengelolaan laut 25.656 km<sup>2</sup> terletak antara 113°44' Bujur Timur dan 119°00' Bujur Timur dan antara 2°33' Lintang Utara dan 2°25' Lintang Selatan.

Penyelidikan dari keseluruhan bab ini telah membantu kajian ini membangunkan kerangka konseptual kajian seperti pada rajah 2.9.

## **2.2 Konflik dan Politik**


Pada bahagian ini penyelidik akan membincangkan mengenai konsep konflik secara am, definisi dan konsep politik serta definisi dan konsep konflik politik.

### **2.2.1 Konsep Konflik Secara Umum**

Konflik adalah unsur yang terpenting dalam mewarnai kehidupan manusia. Menurut Wolff *et al.* (2002) konflik memiliki fungsi positif seterusnya menjadi dinamik dalam sejarah kehidupan manusia. Kajian ini menghujahkan bahawa kefahaman berkaitan konsep konflik ini sering muncul dan dikaitkan dengan pertentangan atau pertikaian. Pertentangan itu wujud ke dalam bentuk pertentangan idea atau fizikal antara dua belah pihak (aktor) yang sedang bermusuhan, perbezaan tujuan dan kepentingan, mempunyai matlamat yang tidak selari dalam aspek kehidupan, seperti ekonomi, sosial budaya dan politik (Lingard & Francis, 2006). Taulman and Robbins (2014) menjelaskan bahawa konflik adalah suatu proses interaksi yang terjadi akibat adanya ketidak sesuaian antara dua pendapat (sudut pandang) yang berpengaruh atas pihak-pihak yang terlibat baik pengaruh positif mahupun pengaruh negatif.

Menurut Jeong (2008) konflik kerap dikaitkan dengan dimensi politik, etika dan psikologi masyarakat. Seiring dengan pendapat Bartos and Wehr (2002); Jeong (2008); Pruitt and Rubin (2004); dan Wolff *et al.* (2002) mereka bersetuju melihat bahawa konflik adalah pertentangan dan permusuhan di antara para aktor dalam memperjuangkan perkara berkaitan nilai dan kuasa, sumber dan mencapai tujuan atau

keperluan yang sama dan dalam keadaan tertentu boleh menimbulkan konfrontasi fizikal. Manakala menurut Wolff *et al.* (2002) pula melihat konflik tidak hanya menyumbang ke arah kemajuan masyarakat bahkan mampu mendewasakannya. Secara keseluruhannya, menerusi konflik yang wujud dalam persekitaran masyarakat turut menyumbang ke arah kemajuan masyarakat itu sendiri, ianya wujud apabila terdapat kumpulan aktor cuba mengelakkan konflik dan memenuhi keperluan masyarakat awam (Lihat rajah 2.1).



**Rajah 2.1 Konsep Konflik Secara am**

Sumber: Diubahsuai dari (Jeong, 2008; Pruitt & Rubin, 2004; Wolff *et al.*, 2002)

Work (2019), Pruitt and Rubin (2004) turut menegaskan bahawa terdapat empat petunjuk konflik iaitu terdapat dua atau lebih pihak yang berkonflik; pihak-pihak